



CENDERNA HATI...Dr. Rodeano (empat kanan) menyampaikan cenderahati kepada Benedict sambil diperhatikan yang lain.

NDRC UMS anjur program Pendidikan Awam Bencana Alam pada 14 November depan

NST 28.10.2019 6

RANAU: Pusat Kajian Bencana Alam 'Natural Disaster Research Center' (NDRC) Falkuti Sains Universiti Malaysia Sabah (UMS), akan menganjurkan program Pendidikan Awam Bencana Alam di Dewan Masyarakat daerah ini pada 14 November, bermula 8.00 pagi.

Jawatankuasa Publisiti dan Penajaan program itu, Ahmad Khairut Tarmizi Mohd. Daud ketika ditemui selepas menyertai serombongan Jawatankuasa Pengajur dari UMS, mengadakan Kunjungan Hormat kepada Ahli Parlimen Ranau, Jonathan Yasin yang diwakili Setiausaha Parlimen Ranau, Benedict Gunda memaklumkan, program itu akan dirasmikan pembukaannya oleh Jonathan.

Beliau berkata pelbagai aktiviti termasuklah, pameran Pemantauan Sistem Gempa Bumi dan Tsunami oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (Sabah), pameran Peralatan Operasi dan Peranan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) dalam menangani bencana alam dan pameran Poster Kajian Bencana Alam (NDRC) UMS.

Sementara itu, antara ceramah yang bakal diadakan ialah Gempa Bumi di Ranau dan

langkah-langkah persediaan menghadapinya oleh Dr. Felix Tongkul (Pengarah NDRC) UMS, disusuli Bencana Tanah Runtuh dan Aliran Debris di Ranau oleh Prof. Madya Dr. Rodeano Roslee (Timbalan Pengarah NDRC, UMS), dan Bencana Dari Perspektif Psikologi akan disampaikan Prof. Madya Muhammad Idris Bin Bullare (Ketua Unit Penyelidikan Psikologi Kesihatan Sosial, UMS dan Perubahan Ilim, Kesan kepada Masyarakat Tempatan akan disampaikan Prof. Madya Dr. Justin Sentian (Falkuti Sains dan Sumber Alam, kemudian disusuli ceramah Peranan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam Pengurusan Bencana Alam di Malaysia akan disampaikan wakil NADMA.

Benedict mengharapkan program itu berjaya mencapai objektif memberi ilmu pengetahuan dan maklumat berguna kepada penduduk yang bakal menerima surat jemputan menghadirinya.

"Kita menjangkakan lebih 200 penduduk dari ketiga-tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Parlimen Ranau iaitu Dun Kundasang, Dun Karanaan dan Dun Paginatan akan menghadiri program tersebut", jelas Benedict.